



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN (B.2 EB.3 / B.2)  
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN  
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)  
B.2 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

**1. TANGGA GAJI B.2 EB.3**

- a) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang *Safety Management* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

**ATAU**

- b) i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

**DAN**

- ii) Pernah berkhidmat dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sekurang-kurangnya dalam jawatan Kapten tidak kurang dari lima (05) tahun dan mempunyai pengalaman dalam bidang keselamatan dan/atau sekuriti termasuk keselamatan bangunan, penerbangan, pegawai dan kakitangan, jentera-jentera dan/atau mesin-mesin peralatan serta sekeliling.

Mempunyai pengalaman dalam bidang Kejuruteraan Penerbangan adalah kelebihan.

**ATAU**

- iii) Pernah berkhidmat di Syarikat Penerbangan Diraja Brunei / *Brunei Shell Company* dalam jawatan yang bersesuaian tidak kurang dari tujuh (07) tahun dan mempunyai pengalaman dalam bidang keselamatan dan/atau sekuriti termasuk keselamatan bangunan, penerbangan, pegawai dan kakitangan, jentera-jentera dan/atau mesin-mesin peralatan serta sekeliling.



Mempunyai pengalaman dalam bidang Kejuruteraan Penerbangan adalah kelebihan.

## 2. **TANGGA GAJI B.2**

- c) i) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Safety Management atau bidang bersesuaian dengan bidang keselamatan dan/atau sekuriti dan telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.3 tidak kurang dari lima (05) tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan serta mempunyai pengalaman dalam bidang keselamatan dan/atau sekuriti termasuk keselamatan bangunan, penerbangan, pegawai dan kakitangan, jentera-jentera dan/atau mesin-mesin peralatan serta sekeliling.*

**ATAU**

- ii) Telah berkhidmat di Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.3 tidak kurang dari tujuh (07) tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan serta mempunyai pengalaman dalam bidang keselamatan dan/atau sekuriti termasuk keselamatan bangunan, penerbangan, pegawai dan kakitangan, jentera-jentera dan/atau mesin-mesin peralatan serta sekeliling.

**ATAU**

- iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.3 tidak kurang dari sembilan (09) tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan serta mempunyai pengalaman dalam bidang keselamatan dan/atau sekuriti termasuk keselamatan bangunan, penerbangan, pegawai dan kakitangan, jentera-jentera dan/atau mesin-mesin peralatan serta sekeliling.

**ATAU**

- iv) Pernah berkhidmat dengan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sekurang-kurangnya dalam jawatan Kapten tidak kurang dari tujuh (07) tahun dan mempunyai pengalaman dalam bidang keselamatan dan/atau sekuriti termasuk keselamatan bangunan, penerbangan, pegawai dan kakitangan, jentera-jentera dan/atau mesin-mesin peralatan serta sekeliling.

Mempunyai pengalaman dalam bidang Kejuruteraan Penerbangan adalah kelebihan.



## ATAU

- v) Pernah berkhidmat di Syarikat Penerbangan Diraja Brunei / *Brunei Shell Company* dalam jawatan yang bersesuaian tidak kurang dari sembilan (09) tahun dan mempunyai pengalaman dalam bidang keselamatan dan/atau sekuriti termasuk keselamatan bangunan, penerbangan, pegawai dan kakitangan, jentera-jentera dan/atau mesin-mesin peralatan serta sekeliling.

Mempunyai pengalaman dalam bidang Kejuruteraan Penerbangan adalah kelebihan.

3. Mempunyai kelulusan *United Kingdom National Examination Body for Occupation Safety and Health (UK NEBOSH) National Certificate* atau kelulusan yang sebanding adalah kelebihan.
4. Berpengalaman di dalam pengendalian pesawat atau bertugas dalam kerja-kerja pemeliharaan adalah kelebihan.
5. Mempunyai pengetahuan dalam Perundangan Brunei Darussalam yang bersangkutan dengan operasi penerbangan di negara ini adalah kelebihan.
6. Mahir bertutur dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dan berkebolehan menggunakan komputer.

### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab kepada Pengurus Sistem Pengurusan Keselamatan;
2. Bertanggungjawab dalam memberikan bantuan kepada Pengurus Sistem Pengurusan Keselamatan dalam mengimplementasikan operasi-operasi seharian yang berhubung kait dengan sistem pengurusan keselamatan serta memastikan laporan keselamatan yang efektif;
3. Bertanggungjawab dalam memastikan tahap keselamatan pegawai serta kakitangan Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia adalah pada tahap yang terbaik dengan memastikan kesemua peraturan serta tatacara yang ditetapkan dipatuhi dan diamalkan;
4. Mengenal pasti dan mempromosikan *hazard treatment* yang efektif;



5. Membantu dengan pemberian berterusan organisasi *Security Management System* serta dalam mengenal pasti bahaya dan *Safety Risk Assessment Schemes*;
6. Menganalisa data-data teknikal yang berkaitan dengan bahaya, kejadian dan kekerapan kejadian berlaku;
7. Membantu dalam perkembangan penambahbaikan dan percubaan *Emergency Response Plan (ERP)* dan prosedur-prosedur yang telah digariskan;
8. Memberikan latihan kepada pegawai dan kakitangan Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi perkara yang berkaitan dengan inisiatif keselamatan;
9. Menjalankan serta melaporkan audit keselamatan sebagai salah satu jaminan keselamatan *Safety Management System*;
10. Bertanggungjawab mempromosikan hubungan kerjasama baik di antara Bahagian *Safety Management System* dengan bahagian-bahagian lain di Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia;
11. Membantu dalam insiden-insiden kemalangan dan dalam penyiasatan insiden berkenaan dengan membuat analisa punca sebenar kemalangan dan membuat cadangan bagi mengawal risiko yang berbangkit dan seterusnya memperbaiki piawaian keselamatan;
12. Menjalankan serta melaksanakan apa jua tugas dan tanggungjawab yang berkaitan yang diarahkan oleh Pengurus Sistem Pengurusan Keselamatan dari semasa ke semasa;
13. Membantu Pengurus Sistem Pengurusan Keselamatan dalam perkara yang berhubung kait jika diperlukan;
14. Mengurus *Safety Pages Intranet* Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia; dan
15. Mengendalikan projek yang diarahkan oleh Pengurus Sistem Pengurusan Keselamatan.